

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS*

JUDUL: PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP BENTUK-BENTUK HUKUMAN UNTUK KESALAHAN DISIPLIN DI SEKOLAH (Satu Kajian Ke Atas Ibu Bapa Pelajar Tingkatan Empat Di Lima Buah Sekolah Menengah Di Shah Alam, Selangor)

SESI PENGAJIAN: 2007-2008

Saya : WAN SITI SHARINA WAN HUSSAIN

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
NO. 303, BLOK 35, JALAN 24/1A
SEKSYEN 24,
40300 SHAH ALAM, SELANGOR.

PN. CHRISTINA ANDIN@NUR QISTINA ABDULLAH

Nama Penyelia


Tarikh: 02 MEI 2008

Tarikh: 02 MEI 2008

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PENGESAHAN PENYELIA

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.

Tandatangan :  _____

Nama Penyelia : **PN. CHRISTINA ANDIN@NUR QISTINA ABDULLAH** .

Tarikh : **02 MEI 2008**

**PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP BENTUK-BENTUK HUKUMAN
UNTUK KESALAHAN DISIPLIN DI SEKOLAH
(Satu Kajian Ke atas Ibu bapa Pelajar Tingkatan Empat di Lima Buah
Sekolah Menengah di Shah Alam, Selangor)**


**OLEH:
WAN SITI SHARINA WAN HUSSAIN**

*Laporan ini disampaikan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)*

**Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

APRIL 2008

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : **WAN SITI SHARINA WAN HUSSAIN**
Tarikh : **02 MEI 2008**

DEDIKASI

“Alhamdulillah dan Syukur ketakterhinggaan Buat ALLAH S.W.T

dan

teristimewa buat;

*Arzhad Yusoff
Aidil Amirul Azad B. Arzhad
Ahmad Fathi Azad B. Arzhad
Ainul Iman Azad B. Arzhad*

*Abah
Ummie....dalam kenangan
Kak Long & Family
Abe Na & Family
Kak Yie & Family
Muni & Family
Korie
Iju*

*Ayah & Mak
Kak Chaq & Family
Kak Shah & Family
Cik Siti & Family
Mek & Family
Dik
Nizam*

Jua

Rakan-rakan di PB Card Services

terima kasih atas segala-galanya.....”

PENGHARGAAN

Syukur Allhamdulillah, kerana dengan keizinanNya dapat saya menyiapkan Laporan Projek Sarjana Muda ini sebagai latihan ilmiah dengan jayanya.

Dalam usaha menyempurnakan laporan projek ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pensyarah pembimbing saya, **Puan Christina Andin@Nur Qistina Abdullah**, yang banyak membimbing, menasihati, serta memberi panduan sepanjang pelaksanaan projek ini.

Jua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih terutamanya kepada mereka yang terlibat dalam kajian ini; Pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan, Kakitangan Fakulti Pendidikan UTM, Kementerian Pelajaran Malaysia (BPPDP), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, Pengetua-pengetua, Guru-guru Penolong Kanan HEM, dan Guru-guru Kaunseling di Sek. Men. Keb. Seksyen 11 Shah Alam, Sek. Men. Keb. Seksyen 16 Shah Alam, Sek. Men. Keb. Seksyen 24 Shah Alam, Sek. Men. Keb. Seksyen 25 Shah Alam dan Sek. Men. Keb. Seksyen 7 Shah Alam.

Penghargaan ini juga, ditujukan buat semua rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam perbincangan untuk menyediakan laporan projek ini.

Akhir sekali buat keluarga yang sangat memahami perjuangan di medan ilmu ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman untuk kesalahan-kesalahan disiplin pelajar di sekolah, sepertimana disenaraikan dalam buku Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid (1998). Seramai 191 ibu bapa dipilih secara rawak daripada lima buah sekolah di Shah Alam, Selangor dan satu set borang soal selidik dibina bagi mendapatkan maklumat tentang persepsi-persepsi mereka terhadap bentuk-bentuk hukuman tersebut. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science – Version 15.0 (SPSS 15.0)*. Hasil keseluruhan analisis membuktikan ibu bapa tidak bersetuju dengan hukuman buang dan gantung sekolah bagi tingkah laku musnah (kesalahan disiplin kategori berat), rotan untuk kesalahan disiplin sederhana dan hukuman kelas tahanan untuk kesalahan disiplin ringan. Cadangan kajian mengharapka agar penerangan yang jelas patut diberikan kepada ibu bapa mengenai tindakan-tindakan dan hukuman disiplin di sekolah.

ABSTRACT

This study was carried out to determine parents' perceptions on school punishments for student's disciplinary problems, as mentioned in Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid 1998. A total of 191 parents were randomly selected from five schools in Shah Alam, Selangor and a set of questionnaires was designed to gain primary data about their perceptions on school punishments. All data collected were analyzed using Statistical Package for Social Science-Version 15.0 (SPSS 15.0) software. The overall findings of this study indicate that, parents do not agree with school suspensions and expulsion for vandalisms (serious disciplinary problems), corporal punishments for moderate disciplinary problems and class detention for less serious disciplinary problems. As a recommendation, parents should be brief on schools' disciplinary actions clearly.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN PENULIS	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Batasan Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	8
	1.8.1 Persepsi	8
	1.8.2 Ibu Bapa	8
	1.8.3 Disiplin	9
	1.8.4 Hukuman	9
	1.8.5 Pelajar	9

2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Konsep Disiplin	11
	2.2.1 Masalah Disiplin	12
2.3	Menangani Masalah Disiplin	14
2.4	Hukuman	15
	2.4.1 Bentuk-bentuk Hukuman	16
	2.4.1.1 Pembuangan	16
	2.4.1.2 Penggantungan	16
	2.4.1.3 Lain-lain Hukuman	17
	2.4.2 Jenis-jenis Kesalahan	19
2.5	Kesimpulan	23
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	24
3.3	Tempat Kajian	25
3.4	Populasi dan Sampel	26
3.5	Instrumen Kajian	28
3.6	Operasi Kajian	32
3.7	Kajian Rintis	34
3.8	Pengumpulan Data	35
3.9	Analisis Data	36
3.10	Kesimpulan	37
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	38
4.2	Analisis Bahagian A: Demografi Responden	38
4.3	Analisis Bahagian B	41
	4.3.1 Analisis Persoalan Kajian 1	42
	4.3.2 Analisis Persoalan Kajian 2	47
	4.3.3 Analisis Persoalan Kajian 3	50

4.4	Rumusan Dapatan Kajian	53
5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan	55
5.2.1	Hukuman Untuk Kesalahan Disiplin Kategori Berat	56
5.2.2	Hukuman Untuk Kesalahan Disiplin Kategori Sederhana	58
5.2.3	Hukuman Untuk Kesalahan Disiplin Kategori Ringan	60
5.3	Cadangan Hasil Kajian	61
5.3.1	Pihak Jabatan Pelajaran	61
5.3.2	Pihak Sekolah	63
5.3.3	Pihak Ibu Bapa	63
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	63
5.5	Penutup	64
	BIBLIOGRAFI	65
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN A - N	69 - 97

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Antara Kes Disiplin Pelajar Yang Mendapat Perhatian Sekitar Tahun 1992 Hingga 2004	2
2.1	Kesalahan Dan Hukuman Mengikut Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998	20
2.2	Senarai Kesalahan Berat Mengikut Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998	21
2.3	Senarai Kesalahan Sederhana Mengikut Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998	22
2.4	Senarai Kesalahan Ringan Mengikut Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998	22
3.1	Jumlah Populasi	26
3.2	Taburan Responden Kajian Mengikut Sekolah	28
3.3	Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Latar Belakang Responden	29
3.4	Taburan Item Bahagian B Borang Soal Selidik	30
3.5	Skor Skala Likert	31
3.6	Skala Tahap Kewajaran Hukuman Dikenakan	36
4.1	Taburan Responden Mengikut Demografi	40
4.2	Perubahan Skala Likert Kepada Skala Binari	41
4.3 (a)	Senarai Item Untuk Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Berat	44

4.3 (b)	Analisis Keseluruhan Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Berat	45
4.3 (c)	Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Berat (Mengikut Item)	46
4.4 (a)	Analisis Keseluruhan Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Sederhana	48
4.4 (b)	Senarai Item Untuk Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Sederhana	48
4.4 (c)	Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Sederhana (Mengikut Item)	49
4.5 (a)	Analisis Keseluruhan Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Ringan	50
4.5 (b)	Senarai Item Untuk Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Ringan	51
4.5 (c)	Analisis Persepsi Ibu Bapa Terhadap Enam Bentuk Hukuman Bagi Kesalahan Disiplin Pelajar Kategori Ringan (Mengikut Item)	52

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Cara Pengiraan Sampel Untuk Satu Sekolah	27
3.2	Carta Alir Operasi Kerja	32

SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IPD	-	Ibu Pejabat Polis Daerah
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
SMS	-	<i>Short Message System</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Senarai Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Berkaitan Disiplin	69 - 70
B	Surat Memohon Perangkaan Kepada IPD Shah Alam	71
C	Perangkaan Kes Tangkapan Jenayah Juvana dan Pelajar	72
D	Set Borang Soal Selidik	73 - 83
E	Surat Pengesahan Item Soal Selidik	84
F	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada BPPDP	85
G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada JPN, Selangor.	86
H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Sek. Men. Keb. Seksyen 11, Shah Alam	87
I	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Sek. Men. Keb. Seksyen 16	88
J	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Sek. Men. Keb. Seksyen 24	89
K	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Sek. Men. Keb. Seksyen 25	90
L	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Kepada Sek. Men. Keb. Seksyen 07	91
M	Surat Pengesahan Pelajar UTM	92
N	Analisis Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis	93 - 97

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan di sekolah sering dihadapi oleh pelbagai masalah dan cabaran dalam mendidik, membimbing dan membentuk individu supaya selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Antara masalah yang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana pihak sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut ialah masalah disiplin dikalangan pelajar. Pelbagai cara telah dilakukan oleh pihak kementerian bermula dari awal tahun 60-an dengan mengedarkan surat-surat pekeliling ikhtisas (Lampiran A), buku panduan kepada Guru Besar, guru-guru (KPM, 1988), juga mengadakan talian khas aduan masalah buli, mengadakan khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan termasuklah garis panduan baru iaitu Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid 1998 bagi menjelaskan serta memberi tafsiran baru berhubung dengan kesalahan dan hukuman untuk mendisiplinkan pelajar.

Buku Peraturan ini telah menggariskan kategori kesalahan-kesalahan disiplin pelajar di sekolah kepada empat kategori iaitu; Kategori Kesalahan Jenayah, Kategori Kesalahan Berat, Kategori Kesalahan Sederhana dan Kategori Kesalahan Ringan. Setiap kategori kesalahan pula telah dijelaskan hukuman yang wajar dikenakan kepada mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tersebut (KPM, 1998).

Walaupun terdapat undang-undang yang digubal untuk menangani permasalahan ini, namun masalah disiplin ini seolah-olah semakin serius. Jadual 1.1, menunjukkan antara kes disiplin pelajar yang amat serius sehingga mendapat perhatian media massa, masyarakat dan kementerian. Antara faktor penyebab masalah ini berterusan ialah terdapat bantahan dan kritikan daripada golongan ibu bapa yang tidak berpuashati dengan tindakan yang diambil, seperti laporan berita yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar harian; *'Berhati-hati Merotan Pelajar'* (Utusan Malaysia, 15 Mei 1996), *'Rotan:Pengetua Didakwa Langgar Peraturan'* (Utusan Malaysia, 14 Mei 2007), *'Cikgu Ganas'* (Berita Harian, 04 April 2007), *'Cekik Guru: Pelajar Dibuang Sekolah'* (Utusan Malaysia, 28 Julai 2007) dan kes terbaru *'Guru Lebam Ditampar Bapa Murid'* (Berita Harian, 05 April 2008). Jika keadaan ini masih lagi berterusan maka matlamat FPK untuk menghasilkan generasi yang bersahsiah tinggi tidak akan tercapai.

Jadual 1.1: Antara Kes Disiplin Pelajar Yang Mendapat Perhatian Sekitar Tahun 1992 hingga 2004

Tarikh	Kes Disiplin
1992	Seramai 1,073 pelajar dilaporkan melawan guru, 1,934 pelajar dilaporkan bersikap kasar terhadap guru, 3,456 pelajar tidak menghormati guru dan 209 pelajar merosakkan harta benda guru.
26 Feb. 2001	Seorang pelajar lelaki tingkatan dua dibelasah dan ditelanjangkan oleh tujuh pelajar tingkatan tiga asrama sekolah mereka.
31 Jan. 2002	Sembilan pelajar tingkatan tiga cedera selepas bergaduh dengan sekumpulan pelajar senior di asrama sekolah mereka.
02 Nov. 2002	Seramai 31 pelajar ditahan polis kerana kes membelasah seorang pelajar tingkatan satu.
27 Jul. 2003	Seorang pelajar patah tulang rusuk dan pendarahan di paru-paru selepas dibelasah kira-kira 30 pelajar senior ketika di asrama
11 Ogos 2003	Seorang pelajar tingkatan empat rosak sebelah buah pinggang selepas dibelasah sekumpulan pelajar senior kerana berbual dengan pelajar perempuan.
21 Sept. 2003	Dua bekas pelajar diserang sekumpulan lebih daripada 20 orang pelajar sekolah yang sama kerana membalas dendam terhadap mangsa yang dikatakan membuli pelajar junior sewaktu menjadi senior ketika orientasi dulu.
2004	Polis telah menyenaraihitamkan 200 buah sekolah berikutan 100,000 murid yang terlibat dengan pelbagai kes disiplin termasuk jenayah.

(Sumber: Mohd Zubil Bahak, 2004 dan Mohd Ismail, 2006)

1.2 Latar Belakang Masalah

Penyelesaian terakhir untuk menangani salah laku berterusan adalah dengan memberikan hukuman (KPM, 1988). Walaupun bentuk hukuman yang dikenakan kepada pelajar adalah setelah mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan namun masih terdapat golongan ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan bentuk hukuman tersebut. Pada mereka pelajar haruslah dididik dengan kelembutan bukan dengan kekerasan (Utusan Malaysia, 29 Julai 2007).

Berbanding dengan tahun 60-an, ibu bapa menghantar anak ke sekolah adalah dengan tujuan untuk membentuk keperibadian yang mulia disamping untuk mendapat pendidikan yang tinggi. Jika anak mereka melakukan kesalahan, mereka lebih suka anak mereka dihukum dan seterusnya mereka juga akan mengenakan lagi hukuman kepada anak tersebut dengan niat untuk mendidik dan membentuk tingkah laku dan sahsiah yang baik. Walau fenomena sedemikian berlaku, terdapat ramai tokoh-tokoh korporat, pemimpin-pemimpin yang lahir hasil dari didikan tersebut (Dewan Rakyat, 27 November 2007). Keadaan ini berbeza dengan persepsi ibu bapa hari ini yang mempertikaikan bentuk tindakan dan hukuman yang dikenakan ke atas pelajar. Petikan rencana oleh Ahmad Shahrul Nizam dalam akhbar;

“Lebih mengecewakan, apabila ada ibu bapa sering mengambil pendekatan salah dan beranggapan anak mereka tidak bersalah dalam apa saja keadaan walaupun selepas diberikan penjelasan oleh pihak pengurusan sekolah.”

(Sumber: Harian Metro, 07 Ogos 2007)

Mereka lebih gemar mengikut segala kehendak anak-anak mereka. Jika terdapat hukuman yang diberikan, mereka mula menggunakan media massa sebagai langkah menyebarkan dan menarik perhatian masyarakat, seperti laporan akhbar Utusan Malaysia (14 Mei 2007) tentang sikap ibu bapa yang membela nasib anaknya, yang telah dirotan oleh pengetua kerana tidak mengerjakan solat dan melanggar peraturan-peraturan sekolah. Salah seorang daripada pelajar tersebut juga telah membuat laporan kepada pihak polis tentang kejadian itu. Manakala kes

seorang guru lelaki, yang mengajar matapelajaran Kemahiran hidup, ditampar bapa muridnya di kantin Sekolah Kebangsaan Juru, Prai, pada 04 April 2008 juga kerana tidak puas hati dengan tindakan guru tersebut mendenda beberapa murid Tahun Lima termasuk anaknya yang membuat bising dalam kelas (Berita Harian, 05 April 2008). Ibu bapa bukan sahaja menarik perhatian ramai dengan menggunakan media massa, malahan hingga melibatkan perundangan. Terdapat kes yang dibawa ke mahkamah seperti kes Mahdevan vs. Anandarajah & Ord. (MLJ 50, 1970), kes pelajar Sekolah Menengah King George V di Seremban telah dibuang sekolah sebab melanggar disiplin sekolah. Pihak defendan memohon mahkamah agar tindakan yang diambil oleh pengetua sekolah itu adalah batal.

Menurut Mohd Ismail (2006), kejadian seperti ini akan menjejaskan imej sekolah dan pengetua (tidak kira apa kategori sekolahpun-Sekolah Kebangsaan, Sekolah Wawasan, Sekolah Bestari juga Sekolah Teknik dan Vokasional). Malahan kejadian ini seolah memperkecilkan tugas guru dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, dan berakhlak mulia. Jika bentuk hukuman yang dikenakan terhadap pelajar yang melanggar disiplin sekolah dipertikaikan, bentuk hukuman yang bagaimanakah sebenarnya yang diinginkan oleh ibu bapa bagi menangani masalah-masalah tersebut?

1.3 Pernyataan Masalah

Sebagai ibu bapa, mereka sepatutnya berani dan bersedia menghadapi cabaran salah laku anak-anak mereka di sekolah. Berani menerima kenyataan jika anak mereka dikenakan hukuman akibat salah laku. Pihak Kementerian telah lama mewujudkan garis panduan dan peraturan-peraturan dalam mengenakan tindakan dan hukuman untuk setiap kesalahan disiplin pelajar di sekolah. Namun masih terdapat ibu bapa yang memprotes bentuk-bentuk hukuman dan tindakan tersebut. Penulis merasakan kajian ini perlu dilaksanakan, bagi mendapatkan gambaran yang jelas terhadap pandangan ibu bapa mengenai bentuk-bentuk hukuman yang wajar dikenakan kepada pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk;

- i. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap bentuk hukuman yang wajar dikenakan kepada pelajar yang disabit dengan kesalahan berat (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998).
- ii. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap bentuk hukuman yang wajar dikenakan kepada pelajar yang disabit dengan kesalahan sederhana (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998).
- iii. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap bentuk hukuman yang wajar dikenakan kepada pelajar yang disabit dengan kesalahan ringan (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998).

1.5 Persoalan Kajian

Daripada objektif kajian di atas, terdapat tiga persoalan kajian yang dibina bagi menjawab objektif-objektif tersebut;

- i. Apakah persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman untuk kesalahan disiplin pelajar kategori berat (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998)?
- ii. Apakah persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman untuk kesalahan disiplin pelajar kategori sederhana (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998)?

- iii. Apakah persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman untuk kesalahan disiplin pelajar kategori ringan (seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998)?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada;

- i. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia;

Sebagai sumber rujukan untuk mengkaji semula bentuk-bentuk hukuman yang telah sedia ada dalam menangani masalah disiplin pelajar di sekolah. Perkara ini adalah untuk menjelaskan tentang Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (pada masa itu), berkenaan ‘Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah’ di mana Perkara 2.6: Pemuafakatan Ibu Bapa, Sekolah dan Masyarakat ada menyebut;

“Pihak sekolah perlu melibatkan ibu bapa supaya anak-anak mereka yang bermasalah dapat sama-sama dibantu.”

(Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001, 29 Julai 2001)

Oleh itu, dengan adanya kajian tentang persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman yang telah sedia ada ini, diharapkan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran dalam menggubal semula peraturan-peraturan disiplin pelajar di sekolah.

- ii. Pihak Ibu Bapa;

Melalui kajian ini ibu bapa dapat menyatakan persetujuan mereka terhadap bentuk-bentuk hukuman yang telah sedia ada. Sama ada

mereka merasa ianya masih sesuai digunakan mengikut keadaan, peredaran masa dan peringkat perkembangan pelajar. Oleh yang demikian, barulah dapat dikatakan bahawa ibu bapa dapat sama-sama berganding bahu dengan pihak sekolah dalam mengkaji bentuk-bentuk hukuman yang sesuai untuk menangani masalah disiplin pelajar di sekolah. Secara tidak langsung, pihak ibu bapa tidak lagi dapat mempertikaikan bentuk hukuman yang dikenakan kepada pelajar.

iii. Pihak sekolah;

Melalui kajian ini pihak sekolah dapat mengenal pasti tahap persetujuan ibu bapa tentang bentuk hukuman yang dikenakan kepada pelajar dalam menangani masalah disiplin di sekolah. Ianya boleh dijadikan panduan kepada guru-guru dalam membuat tindakan semasa menangani masalah-masalah disiplin di sekolah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada ibu bapa yang mana anak-anak mereka belajar di dalam sekolah menengah sahaja. Penulis memilih lima buah sekolah menengah di Shah Alam, Selangor sebagai tempat untuk menjalankan kajian, iaitu melalui anak-anak mereka yang menuntut dalam tingkatan empat di sekolah-sekolah tersebut. Hal ini dilakukan kerana, kesukaran untuk mengenal pasti ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang sedang menuntut di sekolah menengah.

Pemilihan ibu bapa yang mempunyai anak yang menuntut dalam tingkatan empat adalah untuk mengelakkan daripada melibatkan pelajar lain yang akan menduduki peperiksaan seperti PMR dan SPM disamping peringkat umur mereka merupakan salah satu daripada kategori yang banyak melakukan kesalahan-kesalahan disiplin di sekolah (IPD, 2007). Lihat Lampiran C-Perangkaan Kes Tangkapan Juvana dan Pelajar Daerah Shah Alam; Jan-Ogos 2007.

Ibu bapa yang dimaksudkan oleh penulis adalah sama ada ibu bapa biologi, ibu angkat, bapa angkat, atau penjaga yang menjaga pelajar tingkatan empat yang belajar di sekolah-sekolah tersebut.

Kajian ini hanya meliputi tentang persepsi ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan oleh pihak sekolah ke atas pelajar yang terlibat dengan kesalahan disiplin sebagaimana yang telah dikategorikan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid 1998.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Persepsi

Menurut Kamus Dewan (1992), persepsi adalah tanggapan iaitu proses mengenali dan menilai seorang sama ada melalui pandangan, pendengaran, pembacaan, tindakan dan sebagainya. Persepsi di dalam kajian ini bermaksud tanggapan ibu bapa terhadap bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan disiplin (sebagaimana yang telah dikategorikan dalam Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin Murid 1998) di sekolah.

1.8.2 Ibu bapa

Ibu bapa adalah merujuk kepada ibu bapa biologi atau angkat atau penjaga kepada anak-anak. Secara umumnya ibu bapa merujuk kepada sesiapa sahaja yang menjaga atau memelihara anak berkenaan ketika di dalam persekolahan. Dalam kajian ini juga ibu bapa dirujuk kepada orang yang menjaga pelajar-pelajar tidak kira samada ibu bapa biologi, ibu atau bapa angkat, penjaga, ibu tunggal atau bapa tunggal.

1.8.3 Disiplin

Kamus Dewan (1992) mendefinisikan disiplin sebagai peraturan yang ditetapkan untuk melatih seorang supaya berkelakuan baik. Ia bukan sahaja merupakan peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas sesuatu kelompok manusia, akan tetapi ia juga berhubung rapat dengan tindakan seseorang dalam menempatkan dirinya dalam masyarakat. Disiplin di dalam kajian ini meliputi senarai Peraturan-peraturan Pelajaran: Disiplin Murid 1998.

1.8.4 Hukuman

Menurut Kamus Dewan (1992), hukuman bermaksud memberi ajaran dan dendaan. Hukuman di dalam kajian ini bermaksud hukuman yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian kepada pelajar yang melakukan kesalahan-kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran: Disiplin Murid 1998.

1.8.5 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (1992), pelajar adalah murid, penuntut, orang yang belajar atau orang yang mengaji (menyelidiki ilmu). Dalam kajian ini, pelajar-pelajar adalah dirujuk sebagai pelajar-pelajar yang menuntut di lima buah sekolah menengah harian di Shah Alam, Selangor.